


**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
ASKAR-LASYKAR ANGKATAN TETAP ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

- 1.1 Askar-Lasykar Angkatan Tetap Angkatan Tentera Malaysia Gred ZL, Z1, Z2, Z3, Z4, Z5, Z6, Z7.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

- 2.1 Askar-Lasykar Angkatan Tetap Angkatan Tentera Malaysia yang berkhidmat di Markas Angkatan Tentera Malaysia dan berkhidmat di markas perkhidmatan dan unit-unit di bawahnya seperti berikut:



- 2.1.1 Markas Tentera Darat dan unit-unit di bawahnya.  
2.1.2 Markas Tentera Laut dan unit-unit di bawahnya.  
2.1.3 Markas Tentera Udara dan unit-unit di bawahnya.  
2.1.4 Markas Angkatan Bersama dan unit-unit di bawahnya.

### **3. RINGKASAN TUGAS:**

3.1 Sebagai kumpulan sokongan dan pelaksana bagi melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:

3.1.1 **Peranan Utama:** Melaksanakan penugasan berdasarkan perkhidmatan Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia atau Tentera Udara Diraja serta bertanggungjawab mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah serta melindungi kepentingan negara dari ancaman keselamatan tradisional dan bukan tradisional melalui pelaksanaan operasi darat, maritim, udara, dan siber elektromagnetik.

3.1.2 **Peranan Sekunder:** Melaksanakan operasi ketenteraan selain peperangan *military operations other than war* (MOOTW) yang merangkumi bantuan kemanusiaan dan bencana, *humanitarian assistance and disaster relief* (HADR), mencari dan menyelamat, *search and rescue* (SAR), operasi evakuasi awam, *non-combatant evacuation operation* (NEO), melaksanakan penugasan istiadat serta membantu pihak berkuasa awam dalam penguatkuasaan dan usaha pembangunan negara serta mendukung usaha keamanan sejagat di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

4.1 Melaksanakan arahan - arahan dan membantu pegawai atasannya dalam perkara - perkara seperti berikut:

4.1.1 Melindungi kedaulatan dan keselamatan negara.

4.1.2 Bertindak proaktif dalam menjamin keselamatan serta keamanan dan kesejahteraan rakyat jelata.

4.1.3 Menyokong dan membantu usaha-usaha kerajaan dalam pentadbiran dan pembangunan negara.

4.1.4 Mengeratkan hubungan antara tentera dan rakyat serta menyemarakkan kewibawaan dan kemampuan ATM demi kepentingan kesejahteraan.

- 4.1.5 Melibatkan diri dalam usaha meningkatkan keamanan dan keselamatan di kalangan negara-negara serantau melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti dua hala dan pelbagai hala serta *confidence building measures*.
- 4.1.6 Mendukung usaha keamanan dan operasi bantuan kemanusiaan di dalam dan luar negara.
- 4.1.7 Melatih anggota ATM dan anggota tentera luar negara melalui pusat-pusat latihan yang diiktiraf.

## 5. HUBUNGAN KERJA

### 5.1 Luaran

- 5.1.1 Organisasi pertahanan luar negara.
- 5.1.2 Jabatan / Agensi Kerajaan / Organisasi Swasta.
- 5.1.3 Orang awam.

### 5.2 Dalaman

- 5.2.1 Rakan sekerja dalam pasukan, batalion, rejimen, unit, kapal, skuadron, pangkalan dan kakitangan awam di dalam organisasi yang sama serta pasukan ATM pelbagai perkhidmatan.

## 6. PERSEKITARAN KERJA

### 6.1 Merangkumi kawasan pentadbiran dan operasi daratan, maritim dan ruang udara seperti berikut:

- 6.1.1 **Kawasan operasi daratan:** Kawasan daratan di semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak, persisiran perairan serta ruang udara di atasnya.
- 6.1.2 **Kawasan operasi maritim:** Zon maritim Malaysia, laluan perairan strategik,
- 6.1.3 **Kawasan operasi ruang udara:** Ruang udara dan laluan hubungan komunikasi kritikal di semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.

6.1.4 Lokasi melangkaui **kawasan operasi** dimana kepentingan negara boleh diganggu-gugat.

## 7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN

- 7.1 Berpengetahuan tinggi dalam ilmu ketenteraan yang memfokuskan sebagai kumpulan sokongan dan pelaksana bagi mendukung peranan dan tugas Angkatan Tentera Malaysia untuk memperkasakan kedaulatan negara.
- 7.2 Sentiasa kompeten untuk pengoperasian sistem persenjataan, sistem siber, dan perisikan yang berteknologi tinggi.
- 7.3 Berdisiplin dan mengekalkan tradisi ketenteraan yang tinggi.
- 7.4 Mempunyai tahap fizikal yang cergas untuk diaturgerak ke semua spektrum operasi.
- 7.5 Mempunyai daya kepimpinan dan kemahiran komunikasi yang baik.
- 7.6 Melaksanakan pengurusan sumber yang cekap.

## 8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

### 8.1 Sifat peribadi

- 8.1.1 Ketaatsetiaan
- 8.1.2 Berdedikasi dan tegas
- 8.1.3 Kerjasama
- 8.1.4 Kebijaksanaan
- 8.1.5 Kepercayaan terhadap diri sendiri
- 8.1.6 Inisiatif
- 8.1.7 Tatatertib diri
- 8.1.8 Lagak dan personaliti
- 8.1.9 Pengetahuan kerja
- 8.1.10 Kecergasan fizikal
- 8.1.11 Kebolehan memimpin
- 8.1.12 Ketetapan masa
- 8.1.13 Sikap terhadap tanggungjawab
- 8.1.14 Kebebasan daripada bimbingan
- 8.1.15 Keupayaan berkomunikasi

## **9. ANCAMAN / BAHAYA**

- 9.1 Ancaman tradisional seperti pencerobohan tentera negara asing, mendapatkan maklumat rahsia negara, melaksanakan gerakan subversif atau pengkhianatan yang boleh mengganggu keamanan dan kedaulatan negara.
- 9.2 Semua bentuk ancaman bukan tradisional yang boleh mengganggu-gugat kedaulatan, keselamatan dan kepentingan negara seperti aktiviti kumpulan pengganas, ekstrimis agama, penyeludupan senjata api, pemerdagangan manusia yang sekiranya tidak dibendung akan memberi kesan kepada keselamatan negara.
- 9.3 Rendah tahap disiplin, rejimental ketenteraan dan ilmu ketenteraan.
- 9.4 Kesiagaan rendah dalam aset utama, aset sokongan, ordnan, sumber manusia dan logistik Angkatan Tentera Malaysia.